

Mendidik murid peraturan jalan raya

Kempen keselamatan, penguatkuasaan lalu lintas perlu kerjasama semua pihak

OPS Sikap XII selama 15 hari tamat Ahad lalu dengan 190 maut di jalan raya dan jika ada yang kecewa serta mendakwa kempen keselamatan dan penguatkuasaan dikatakan gagal, mereka perlu berfikir semula.

Ini disebabkan tidak ramai yang tahu ada 227 terkorban di jalan raya 15 hari sebelum Ops Sikap XII bermula, iaitu antara 28 Januari hingga 10 Februari lalu. Sepanjang tahun lalu, 6,278 kematian kerana kemalangan jalan raya dan jumlah tahun sebelum ini juga tidak banyak berbeza, menjadi purata kematian kebangsaan ialah 17.2 orang setiap hari, iaitu jumlah kematian akibat kemalangan jalan raya seluruh negara.

Namun, sepanjang 15 hari operasi bersepadu khususnya Ops Sikap, purata kematian sepanjang operasi ialah 13.6 orang sehari. Purata kematian Ops Sikap XII yang lebih rendah daripada purata kematian kebangsaan menggambarkan kempen keselamatan dan penguatkuasaan peraturan sepanjang operasi bersepadu itu menunjukkan perkembangan positif.

Purata kematian yang berkurangan itu juga perlu diambil kira dengan perbandingan jumlah lalu lintas yang bertambah dua kali ganda sepanjang 15 hari operasi bersepadu atau cuti hujung minggu atau cuti umum.

Jumlah purata kenderaan di jalan raya dihitungkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) di 20 stesen seluruh negara dengan satu stesen mencatatkan kira-kira 14,000 kenderaan pada hari biasa berbanding kira-kira 30,000 ketika hujung minggu atau cuti umum.

Bagaimanapun, statistik yang masih kekal ialah lebih separuh daripada kematian di jalan raya membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal. Tinjauan awal Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) menunjukkan penunggang motosikal membawa kenderaan dengan cuai kerana mereka berfikir kemalangan akan berlaku pada orang lain, bukan pada diri mereka.

Ketua Pengarah Miros, Prof Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata penunggang motosikal juga beranggapan badan mereka boleh bertahan jika berlaku kemalangan

atau mereka mampu mengelak jika berlaku kecemasan.

“Tuhan menjadikan badan manusia hanya boleh bertolak ansur pada kelajuan 40 kilometer sejam (km/j) jika berlaku hentakan dengan objek lain, iaitu kita tidak cedera serius jika kemalangan berlaku pada kelajuan berkenaan.

“Kenderaan yang bergerak pada kelajuan 90 km/j akan berlanggar pada kelajuan sekurang-kurangnya 50 km/j, iaitu tahap menyebabkan kecederaan kepala, pembuluh darah dan tulang belakang yang boleh membawa maut atau lumpuh,” katanya.

Selain penunggang dan pembonceng motosikal, pejalan kaki juga mudah cedera parah atau maut jika dilanggar kenderaan sama ada motosikal, kereta, apatah lagi kenderaan lebih besar.

Data 2003 dan 2004 menunjukkan 5,741 pejalan kaki maut di jalan raya dengan 39 peratus daripada jumlah itu berusia kurang 15 tahun. Secara terperinci, 20 peratus atau 1,148 daripada kematian pejalan kaki pada dua tahun berkenaan berusia enam hingga 10 tahun, 10 peratus atau 581 kematian di kalangan pejalan kaki berusia antara 11 hingga 15 tahun, manakala sembilan peratus atau 529 membabitkan usia kurang lima tahun.

Kanak-kanak tidak mempunyai kemahiran untuk menjangka atau mengagak kelajuan kenderaan dan tempoh kenderaan akan sampai kepada tempat mereka berada walaupun mereka nampak kenderaan yang datang.

Dari segi psikologi, kanak-kanak juga tidak boleh membuat beberapa tugas sekaligus dengan cepat seperti mendengar bunyi kenderaan, melihat kenderaan yang menghampiri mereka dan membuat keputusan sama ada untuk melintas atau menunggu.

Kanak-kanak secara semula jadi, juga sering mengandaikan pemandu kenderaan dapat melihat mereka dan biasanya mula hilang tumpuan jika berada di tepi jalan raya yang sibuk. Untuk mengurangkan kadar kematian di kalangan pejalan kaki, khususnya kanak-kanak dan remaja, Kementerian Pengangkutan bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran mengadakan pengajaran dan pembelajaran keselamatan jalan raya bermula dengan murid Tahun Satu di seluruh negara pada April

ini. Kandungan itu dimasukkan ke dalam subjek bahasa Melayu dengan jumlah masa kira-kira 40 minit atau satu waktu seminggu dengan bantuan buku aktiviti untuk murid dan cakerua padat untuk murid, guru serta ibu bapa.

Dr Radin Umar berkata, antara elemen yang dimasukkan dalam pengajaran dan pembelajaran itu ialah maklumat bahawa jalan raya adalah berbahaya kerana pemandu kenderaan mungkin tidak nampak kanak-kanak di tepi jalan kerana mereka lebih rendah daripada orang dewasa.

Kandungan bahan keselamatan jalan raya itu juga mengajar murid bahawa mereka mesti ditemani ibu bapa atau penjaga setiap kali mahu menggunakan jalan raya, sama ada hendak melintas atau berjalan di tepi jalan raya.

“Ibu bapa juga sebenarnya tidak peka dengan keselamatan anak mereka di jalan raya seperti mereka menunggu anak di luar sekolah dan menghantar anak di seberang jalan berhadapan sekolah dan membiarkan anak melintas sendiri.

“Ada juga ibu bapa yang menunggang motosikal dengan tidak memakaikan topi keledar untuk anak mereka atau membawa beberapa anak di atas satu motosikal atau membiarkan anak remaja menunggang tanpa lesen.

“Semua perbuatan ini berbahaya kepada

FAKTA NOMBOR

Pejalan kaki maut 2004 dan 2004 mengikut usia

1,148

6 hingga 10 tahun

581

11 hingga 15 tahun

529

0 hingga 5 tahun

kanak-kanak atau remaja dan menyumbang kepada kemalangan. Kanak-kanak Tahun Satu juga diajar lima langkah keselamatan sebelum melintas, iaitu berhenti, lihat, dengar, fikir dan waspada,” katanya.

Kadar kematian akibat jalan raya di negara ini tahun lalu ialah 3.96 berbanding 10,000 kenderaan dan sasaran Kementerian Pengangkutan ialah kurang daripada dua kematian bagi 10,000 kenderaan pada 2010 seperti yang ditunjukkan oleh Finland, Great Britain, Amerika Syarikat, New Zealand dan Australia sekarang.

Sehingga akhir tahun lalu, ada 16 juta kenderaan menggunakan 72,000 kilometer jalan raya di negara ini dengan purata pemandu kereta bergerak 25,000 kilometer setiap tahun, manakala motosikal 16,500 kilometer setahun.

Dr Radin Umar berkata, berdasarkan purata pergerakan kenderaan itu, motosikal mencatat 32 kematian setiap bilion kilometer bergerak setahun, iaitu kadar yang dianggap sangat tinggi.

Namun, bagi kereta, lapan kematian dicatatkan setiap bilion kilometer bergerak setahun, iaitu sama dengan negara maju, iaitu kurang daripada 10 kematian.

Pendidikan keselamatan jalan raya satu langkah jangka panjang bagi mengurangkan kadar kematian di negara ini.

Kempen ini memerlukan kerjasama kerana setakat ini, hanya agensi kerajaan yang giat melaksanakan kempen dan menguatkuasakan undang-undang. Syarikat swasta patut turut sama mengadakan kempen dan menggalakkan kakitangan mereka mematuhi peraturan jalan raya seperti dilakukan syarikat multinasional, khususnya syarikat penghantaran atau syarikat minyak dan gas.

Syarikat berkenaan sangat mementingkan keselamatan dan kesihatan persekitaran hingga tahap tidak membayar bonus kepada kakitangan jika jumlah kemalangan tempat kerja atau di jalan raya tinggi, meskipun syarikat merekodkan pertambahan pendapatan.

Di negara ini, ada pemilik atau pengusaha kenderaan komersial seperti lori dan bas menggalakkan pemandu melanggar peraturan jalan raya seperti mengisi muatan berlebihan atau melanggar had laju atas sebab keuntungan.